



KENYATAAN MEDIA

MENTERI PERPADUAN NEGARA

PENJELASAN ISU BERHUBUNG MITRA

Mulai Januari 2024, MITRA telah diletakkan semula dibawah Kementerian Perpaduan Negara (KPN) susulan rombakan kabinet. **Sebagai Kementerian yang bertanggungjawab atas tadbir urus dan hala tuju MITRA, Kementerian akan melaksanakan satu Bengkel Penetapan Hala Tuju Baharu MITRA** pada Mac dan April 2024 ini bersama Ahli-Ahli Parlimen, Ahli Dewan Undangan Negeri, badan bukan berajaan, persatuan belia, dan tokoh-tokoh korporat.

Sehubungan dengan itu, Kementerian telah melantik firma perunding (*consultant*) PEMANDU bagi urusan perancangan strategik dan bengkel hala tuju. **Saya menafikan bahawa bayaran Fi kepada firma ini mengunapakai peruntukan MITRA.** Malah, **bayaran Fi kepada firma ini adalah melalui peruntukan operasi Kementerian Perpaduan Negara dengan mengikut tatacara kewangan sedia ada iaitu Pekeliling Perpendaharaan Malaysia PK 3.2.**

Saya ingin menafikan juga dakwaan bahawa PEMANDU akan mengendalikan proses penelitian permohonan, bantuan kewangan dan agihan peruntukan MITRA. Penglibatan PEMANDU adalah hanya untuk melaksanakan bengkel dan *lab* yang akan memudahkan urusan Kementerian berhubung perancangan strategik dan hala tuju MITRA bagi menghasilkan *Blueprint* MITRA.

Selain itu, saya turut ingin menafikan bahawa penglibatan firma **PEMANDU ini menenggelamkan peranan YB Prabakaran selaku Pengerusi Jawatankuasa Pasukan Petugas Khas (JPPK) MITRA.** Hal ini kerana, **Pengerusi JPPK MITRA telah turut libat sama dalam dua (2) perbincangan bersama PEMANDU.** Saya sentiasa mengalu-alukan dan mengutamakan penglibatan Pengerusi JPPK MITRA dalam urusan ini.

Ketika ini juga, Kementerian sedang menjalankan Kaji Selidik Hala Tuju Masyarakat India. **Sehingga 13 Mac 2024, hanya 4 Yang Berhormat Ahli Parlimen & Dewan Undangan Negeri telah mengisi borang kaji selidik ini.** Segala pandangan dan cadangan yang dikemukakan dalam kaji selidik

ini akan diangkat untuk dimurnikan dalam bengkel hala tuju. Saya mohon agar semua Yang Berhormat mengambil bahagian dalam kaji selidik ini dengan memberikan pandangan, cadangan dan idea berhubung hala tuju MITRA.

-TAMAT-

Terima kasih.

**YB DATUK AARON AGO DAGANG
MENTERI PERPADUAN NEGARA
14 MAC 2024**